

20 MAR 2001

Memo-PM

KUMPULAN CUBA SERAH MEMO KEPADA PM DI PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Kira-kira 100 orang berhimpun di luar pintu utama Parlimen di sini hari ini untuk menyerahkan satu memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pergaduhan antara dua kumpulan penduduk di Jalan Klang Lama baru-baru ini.

Seorang lelaki, yang memperkenalkan dirinya kepada wartawan sebagai Charles Santiago dan sebagai pemimpin kumpulan yang menggelarkan diri mereka sebagai "kumpulan rakyat prihatin", enggan menyerahkan memorandum itu kepada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Senator Datuk M Kayveas yang menghampirinya di pintu setelah dimaklumkan mengenai kehadiran kumpulan itu.

Kumpulan itu mendesak mahu menyerahkan memorandum itu terus kepada Dr Mahathir atau timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir dan Abdullah pada masa itu tidak berada di Parlimen.

Kumpulan itu dilihat mahu menyerahkan kepada Dr Mahathir memorandum yang sama yang diedarkan kepada pemberita di pintu utama itu dan sebelum itu telah diedarkan kepada anggota parlimen pembangkang pada persidangan parlimen hari ini.

Santiago berkata beliau enggan memberikan memorandum itu yang ditujukan kepada PM menerusi Kayveas kerana ia membabitkan isu negara dan ia hanya untuk tatapan Dr Mahathir atau Abdullah sahaja.

Tidak dapat disahkan sama ada kumpulan itu sememangnya terdiri daripada penduduk Kampung Medan atau kawasan perumahan berhampiran Jalan Klang Lama, tempat pergaduhan itu berlaku baru-baru ini.

Kayveas memberitahu pemberita bahawa beliau kesal dengan sikap kumpulan itu yang tidak menghormati beliau dan tidak faham mengapa mereka mendesak untuk berjumpa Dr Mahathir atau Abdullah sedangkan anggota parlimen yang hadir pada persidangan itu boleh meneliti tuntutan itu.

Kumpulan itu juga mengedarkan kepada pemberita salinan surat yang dihantar kepada Pejabat Perdana Menteri bertarikh 16 Mac yang memohon temu janji hari ini untuk menyerahkan memorandum itu kepada Dr Mahathir di Parlimen.

Kumpulan itu menggunakan alamat Suite 501, Wisma Minerva, Jalan Tuanku Abdul Rahman pada surat itu.

-- BERNAMA

SLR AKT RYN AKD